

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : PERASMIAN SEMINAR KECEMERLANGAN BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM (BAHEIS)  
JABATAN PERDANA MENTERI  
Lokasi : CONCORDE INN, SEPANG  
Tarikh : 23-11-1996

Setinggi-tinggi pujian dan syukur kita rafakkan ke hadrat Allah s.w.t. Selawat dan salam kita tujukan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. serta ahli keluarga dan sahabat Baginda sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Seminar Kecemerlangan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) pada pagi ini. Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, Ketua Pengarah BAHEIS dan kesemua warga BAHEIS yang telah berusaha untuk menganjurkan Seminar yang amat bermakna ini.

2. Saya rasa gembira kerana BAHEIS telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Seminar Kecemerlangan Bahagian Hal Ehwal Islam yang bertujuan untuk mencari pendekatan dan strategi yang sesuai bagi meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti perkhidmatan yang diberikan oleh Pegawai Hal Ehwal Islam. Sessi-sessi bicara yang diaturkan di mana akan menyentuh isu-isu budaya pengurusan dan kepimpinan berkualiti, serta peranan dan cabaran masa depan BAHEIS amatlah relevan dalam konteks menyediakan pegawai-pegawainya untuk mencapai kecemerlangan organisasi dan perkhidmatan awam seluruhnya.

3. Saya merasakan bahawa cabaran terbesar kepada pihak pengurusan BAHEIS dewasa ini adalah untuk memastikan organisasi tersebut bergerak berlandaskan wawasan yang jelas. Wawasan ini mampu tercapai melalui perancangan strategik, yang mengambil kira keadaan persekitaran yang mencabar serta tahap kemampuan BAHEIS itu sendiri.

Perancangan susulan perlu disandarkan kepada matlamat asal penubuhan BAHEIS iaitu di antaranya untuk membangun sistem pentadbiran Hal Ehwal Islam yang kemas, cekap dan seragam serta sebagai penggerak pembangunan negara berasaskan lunas-lunas Islam. BAHEIS juga perlulah bergerak seiring dengan perubahan persekitaran supaya dapat memenuhi tuntutan dan menghadapi cabaran masa kini.

4. BAHEIS sepertimana dengan unit-unit lain dalam organisasi yang lebih besar dipertanggungjawabkan untuk memperkenalkan ciri-ciri perubahan positif dalam proses pembaharuan pengurusan pejabat. Budaya kualiti dan pendekatan inovatif seperti perancangan strategik, sokongan dan komitmen pengurusan yang jitu, mengutamakan pelanggan dan membuat penambahbaikan dalam sistem serta prosedur kerja secara berterusan dan kreatif, dianggap mampu meningkatkan kualiti keluaran dan perkhidmatannya. BAHEIS juga perlu berdaya inovatif ke arah mempertingkatkan kualiti serta produktiviti perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan. Justeru itu ia perlu melipatgandakan usaha memperkukuhkan daya inovasi dengan menggerakkan seluruh kakitangan menyertai usaha tersebut, bukan saja melalui daya inisiatif sendiri malah hasil fikiran secara kolektif dan berkumpulan. Ini adalah kerana usaha-usaha inovasi memerlukan pengorbanan yang tanpa batas, tahap disiplin kerja yang kukuh, semangat kerja berpasukan, dan keazaman mencapai kecemerlangan organisasi.

5. Saya difahamkan bahawa usaha-usaha ke arah meningkatkan keberkesanan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam telah dimulakan sejak tahun 1980an lagi.

Berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan, antaranya ialah penyusunan semula Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri dan Daerah, Baitulmal dan Zakat, Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri dan pewujudan Skim Perkhidmatan Pegawai Syarie. Usaha yang terkini ialah pewujudan Skim Perkhidmatan Bersama Hal Ehwal Islam serta penyusunan semula organisasi BAHEIS. Pewujudan Skim Perkhidmatan Bersama Hal Ehwal Islam bertujuan untuk memperluaskan bidang kerjaya di kalangan Pegawai Hal Ehwal Islam yang sebelum ini hanya terhad kepada sesebuah negeri sahaja. Melalui skim ini, Pegawai Hal Ehwal Islam boleh ditukarkan antara negeri-negeri mengikut keperluan dan kepakaran

masing-masing. Ini akan memberi faedah yang lebih baik kepada mereka sama ada dari segi kenaikan pangkat, pusingan kerja dan meningkatkan jalinan perhubungan sesama anggota. Saya dimaklumkan bahawa seminar ini juga disertai oleh pegawai-pegawai BAHEIS dari seluruh Malaysia. Saya yakin mereka akan terus mempunyai pendekatan terbuka terhadap peranan BAHEIS yang kini lebih mencabar, dan seterusnya menyediakan diri untuk menghadapi tugas mereka yang bertambah kompleks ini.

6. Sementara itu, struktur dan fungsi organisasi BAHEIS juga telah disusun semula dan akan dinaikkan tarafnya kepada sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak lama lagi. Penyusunan dan kenaikan taraf dari bahagian ke jabatan adalah semata-mata untuk memperkukuh dan memantapkan lagi jentera pentadbiran Hal Ehwal Islam di negara ini dalam memainkan peranannya sebagai agensi utama bagi memajukan hal ehwal Islam di Malaysia.

7. Harapan tinggi Kerajaan dengan penubuhan JAKIM ini nanti tidak akan membawa makna sekiranya pendokong dan pihak pengurusannya tidak berdaya untuk berubah. Saya berpendapat seminar yang diadakan ini tepat pada masanya dan sesuai dengan suasana dan wawasan yang didokong, serta reformasi etika dan budaya kerja yang akan dilaksanakan. Saya yakin bahawa daripada pengalaman seminar ini, BAHEIS akan mampu memindahkan wawasan organisasinya kepada kakitangan melalui pendekatan yang bercirikan inovasi. Melalui sesi ini juga, pegawai-pegawai boleh diberi peluang meneliti dan menghayati visi dan misi organisasi serta implikasinya terhadap peranan masing-masing. Segala tindak-tanduk dan langkah pembaharuan dalam pengurusan yang sedang dilaksanakan hendaklah sentiasa diselaraskan dengan kehendak Kerajaan dan aspirasi rakyat agar sumbangan BAHEIS mampu memberi kemudahan dan memenuhi harapan golongan yang memerlu di kalangan orang awam.

8. Satu keunikan yang wujud di dalam pentadbiran hal ehwal Islam ialah kedudukan Hal Ehwal Islam di bawah Perlembagaan sebagai Senarai Negeri. Pada masa yang sama sebahagian daripada bidang pendidikan Islam merupakan perkara yang terletak di bawah Senarai Persekutuan. Ini telah menimbulkan keadaan ketidak selarasan dan ketidak seragaman dalam pelaksanaan, yang mana boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai. Sebagai badan induk yang bertanggungjawab menyelaras hal ehwal Islam, BAHEIS perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengkaji undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur mengenai pentadbiran Islam yang digunapakai di negeri-negeri supaya dapat diselaras dan diseragamkan di seluruh negara di mana sesuai.

Untuk meningkatkan ketelusan dalam segala tindakan, adalah baik sekiranya semua peraturan serta sistem dan prosedur kerja yang digunapakai didokumenkan, dikemaskinikan dan disebarluaskan secara meluas.

9. Saya rasa langkah susulan yang penting yang perlu diambil ialah mengadakan reformasi dari segi strategi yang digubal. Pegawai-Pegawai Hal Ehwal Islam perlu peka kepada persekitaran yang sering berubah di mana cara kerja lama mungkin tidak sesuai lagi. Masyarakat umum telah menjadi serba moden dan ini sedikit sebanyak mempunyai kesan ke atas masyarakat Islam. Cabaran dihadapan kita ialah untuk mengekalkan cara hidup yang bercirikan nilai-nilai dan keperibadian yang mulia serta menegakkan kesucian dan ketinggian beragama Islam itu sendiri.

10. Selain daripada itu, perubahan juga perlu dilakukan kepada teknik penyampaian dakwah.

Pendekatan secara lama perlu dikaji semula dan teknik penyampaian yang lebih berkesan seperti penggunaan teknologi maklumat, audio visual dan lain-lain diterokai. Kumpulan sasar perlu diperluaskan untuk meliputi golongan-golongan muda mudi dan kanak-kanak di sekolah. Insya'allah, melalui strategi ini, ianya dapat memberi impak yang lebih kepada kumpulan sasar serta membantu mengatasi gejala sosial dan keruntuhan moral muda- mudi masa kini.

11. Dalam hal ini juga, kita mempunyai dua badan tertinggi yang bertanggungjawab ke atas perjalanan pentadbiran Islam, iaitu Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Dengan adanya kedua-dua badan peringkat tertinggi ini akan dapat menyokong segala usaha mempertingkatkan lagi keberkesanan pengurusan hal ehwal Islam yang

diperkenalkan.

12. Adalah juga menjadi satu cabaran kepada Pegawai Hal Ehwal Islam untuk menjadi pemangkin dan contoh kepada anggota Perkhidmatan Awam yang lain khususnya dalam mengamalkan nilai-nilai murni.

Perilaku dan penampilan mereka akan sentiasa menjadi contoh. Oleh itu, ciri-ciri yang dipertunjukkan haruslah selaras dengan kehendak dan tuntutan nilai-nilai yang diperkatakan. Ini adalah penting ke arah pembentukan penjawat awam dan masyarakat yang berilmu dan beramal, berakhlak dan berbudi mulia, beradab dan bersopan, jujur dan amanah serta bersatu, setia dan mesra.

13. Langkah-langkah yang perlu diambil bukan sahaja dapat dimunafaatkan kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam dan masyarakat dewasa secara amnya, bahkan perlu juga ditekankan terhadap generasi muda dan kanak-kanak. Penyemaian dan penerapan nilai-nilai murni wajar dilakukan di peringkat kanak-kanak lagi bermula dari rumah dan seterusnya di bangku sekolah. Dalam hal ini program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) untuk kanak-kanak dan program Takmil Masjid untuk orang dewasa yang dilaksanakan melalui peruntukan BAHEIS perlu diperkemaskan lagi supaya dapat menjadi landasan yang penting dalam merealisasikan hasrat tersebut. Kumpulan sasar perlu dikenalpasti dengan tepat dan sentiasa dihindari. Bagi maksud ini, BAHEIS tidak mungkin boleh bertindak sendiri, sebaliknya harus bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri serta pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan. Dengan adanya usaha padu dan pertukaran pendapat di antara agensi-agensi terlibat dapat merangsangkan usaha untuk menunjukan program-program sosial demi kesejahteraan umat Islam negara ini.

14. Dengan kesedaran ini, saya percaya bahawa kakitangan BAHEIS mampu terus mempertingkatkan peranannya, di samping pihak pengurusan menggerakkan perubahan-perubahan ke arah lebih memantapkan lagi organisasi BAHEIS. Melalui usaha-usaha ini dan yang lainnya BAHEIS akan mampu mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Dalam usaha menimbal kecemerlangan ini saya akan berusaha untuk memastikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JKIM) akan dapat beroperasi menjelang Januari 1997.

15. Sambil mengharapkan keredhaan Allah S.W.T. di majlis yang mulia ini, dengan penuh takzim serta dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Kecemerlangan BAHEIS bagi tahun ini.